

# HISTASIN™ TABLET

Cetirizine dihydrochloride (10 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HISTASIN
2. Bagaimana HISTASIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan HISTASIN
4. Cara menggunakan HISTASIN
5. Semasa menggunakan HISTASIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HISTASIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan HISTASIN

HISTASIN digunakan untuk melegakan simptom alahan seperti:

- Rinitis alahan bermusim (inflamasi saluran hidung yang berlaku pada musim-musim tertentu seperti demam alahan bersin, gatal-gatal, hidung berair dan tersumbat, mata merah dan berair).
- Rinitis alahan perennial (inflamasi saluran hidung yang berlaku sepanjang tahun seperti alahan terhadap habuk atau haiwan peliharaan dan menyebabkan bersin, gatal-gatal, hidung berair dan tersumbat, mata merah dan berair).
- Urtikaria berasas alahan (sejenis alahan kulit dicirikan oleh simptom-simptom bengkak, kemerahan dan gatal-gatal).

## Bagaimana HISTASIN berfungsi

HISTASIN merupakan sejenis ubat antihistamina yang berfungsi dengan menyekat tindakan histamina dalam badan. Histamina adalah sejenis bahan yang dihasilkan dalam badan semasa tindakbalas alahan yang boleh menyebabkan kegatalan, bersin atau ruam.

## Sebelum menggunakan HISTASIN

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil HISTASIN jika anda alah terhadap *cetirizine*, *hydroxyzine* atau bahan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

### Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau menyusukan anak.

*Cetirizine* tidak boleh digunakan dalam tempoh 3 bulan pertama kehamilan.

*Cetirizine* adalah kontraindikasi jika anda menyusukan anak kerana ia boleh dikumuhkan ke dalam susu ibu.

### - Sebelum mula menggunakan HISTASIN

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami alahan terhadap ubat-ubatan lain, atau pun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

### - Jika mengambil ubat-ubatan lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan HISTASIN

### - Berapa banyak harus digunakan

- Dewasa: 10mg sekali sehari
- Kanak-kanak berusia 6 tahun keatas: 5mg dua kali sehari atau 10mg sekali sehari.
- Kanak-kanak berusia 3-6 tahun: 2.5mg dua kali sehari atau 5mg sekali sehari.
- Dos harian harus dikurangkan separuh jika anda mempunyai masalah buah pinggang.
- Jika anda terjejas oleh kesan sampingan, dos boleh diambil sebagai 5mg pada waktu pagi dan 5mg pada waktu petang.

### - Bila perlu digunakan

HISTASIN perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Anda dinasihatkan untuk mengambil ubat dengan sedikit cecair semasa makan malam kerana gejala alahan biasanya muncul pada waktu malam.

### - Berapa lama perlu digunakan

HISTASIN perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos HISTASIN dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom mengambil berlebihan adalah mengantuk.

## Semasa menggunakan HISTASIN

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil HISTASIN mengikut arahan doktor anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan HISTASIN.

# HISTASIN™ TABLET

Cetirizine dihydrochloride (10 mg)

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

**- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti mengambil HISTASIN atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Elakkan pengambilan alkohol semasa rawatan dengan HISTASIN. Elakkan memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil HISTASIN.

**Kesan-kesan sampingan**

HISTASIN mungkin akan menyebabkan sakit kepala, pening, mengantuk, kegelisahan, mulut kering dan ketidakselesaan gastrousus.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan HISTASIN**

**- Penyimpanan**

Simpan di tempat kering bawah suhu 25°C.

Jauhi daripada kanak-kanak.

**- Pelupusan**

HISTASIN harus dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah melebihi tarikh luput. Sila tanya ahli farmasi anda bagaimana melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**- Rupa dan warna product**

HISTASIN tablet: Tablet bersalut filem, berwarna putih keputihan, berbentuk cembung dan elips dengan garis pecah pada satu belah.

**- Bahan-bahan kandungan**

**- Bahan aktif**

*Cetirizine dihydrochloride.*

**- Bahan-bahan tidak aktif**

*Microcrystalline Cellulose,  
Lactose Monohydrate,  
Crospovidone,  
Silica colloidal anhydrous,  
Magnesium stearate,  
Hypromellose,  
Macrogol stearate,  
Propylene glycol,  
Titanium dioxide,  
Purified water.*

**- Nombor MAL**

MAL06030814AZ

**Pengilang**

ACTAVIS UK LTD  
Whiddon Valley, Barnstaple  
North Devon, EX32 8NS  
UNITED KINGDOM

**Pemegang Pendaftaran Produk  
MEPHARM (MALAYSIA) SDN  
BHD**

No.15, Jalan USJ 1/19  
Taman Subang Permai  
47600 Subang Jaya  
Selangor

**Tarikh kemaskini RiMUP**

24/11/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)241115/00453